

THE APPLICATION OF YAMIN AL-NAFI IN MAINTENANCE CLAIMS: A STUDY AT THE SABAH SYARIAH COURT

PEMAKAIAN YAMIN AL-NAFI DALAM TUNTUTAN NAFKAH: KAJIAN DI MAHKAMAH SYARIAH SABAH

ⁱFaezahwaty Abdul Mohamed Ibnu, ⁱⁱHairul Vaiyron Othman, ⁱⁱⁱ* Suhaizad Saifuddin

^{i,ii} Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱⁱ Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: suhaizad@ukm.edu.my

ABSTRACT

This study examines the application of *Yamin al-Nafi* in maintenance (nafkah) claims at the Syariah Court of Sabah, particularly in the context of digital evidence. The main objective is to analyse how the court interprets and applies *Yamin al-Nafi* while balancing classical *fiqh* principles with modern evidentiary standards. Using a qualitative approach, this study reviews relevant legal enactments, judicial decisions, and administrative practices of the Family Support Division (BSK). The findings reveal that digital records such as *e-Nafkah* data, bank statements, and BSK reports are now recognised as primary evidence in determining compliance with maintenance obligations. The oath of denial (*Yamin al-Nafi*) is only invoked when such documentary evidence is incomplete or awaiting verification. This judicial practice aligns with the Syariah Court Evidence Enactment (Sabah) 2004 and reflects the *maqasid al-shariah* principle of safeguarding the financial rights of spouses and children. The study recommends the establishment of clearer judicial guidelines, including digital verification procedures before oath-taking, and continuous training for judges to ensure consistency, fairness, and efficiency in maintenance proceedings.

Keywords: *Yamin al-Nafi, maintenance, digital evidence, Syariah Court Sabah, Family Support Division (BSK), e-Nafkah*

ABSTRAK

Kajian ini meneliti pemakaian *Yamin al-Nafi* dalam tuntutan nafkah di Mahkamah Syariah Sabah, khususnya dalam konteks penggunaan bukti digital. Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis bagaimana mahkamah mentafsir dan mengaplikasikan *Yamin al-Nafi* dengan menyeimbangkan antara prinsip *fiqh* klasik dan standard pembuktian moden. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan meneliti peruntukan undang-undang berkaitan, keputusan kehakiman serta amalan pentadbiran Biro Sokongan Keluarga (BSK). Dapatan menunjukkan bahawa rekod digital seperti data *e-Nafkah*, penyata bank dan laporan BSK kini diiktiraf sebagai bukti utama dalam menentukan pematuhan tanggungjawab nafkah. *Yamin al-Nafi* hanya digunakan apabila bukti dokumentar tidak lengkap atau masih menunggu pengesahan. Amalan ini selaras dengan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004 dan mencerminkan prinsip *maqasid al-syariah* dalam melindungi hak kewangan isteri dan anak-anak. Kajian ini mencadangkan agar garis panduan kehakiman yang lebih jelas diwujudkan, termasuk prosedur pengesahan digital sebelum sumpah, serta latihan berterusan kepada hakim bagi memastikan keseragaman, keadilan dan kecekapan dalam prosiding nafkah.

Kata kunci: *Yamin al-Nafi*, nafkah, keterangan digital, Mahkamah Syariah Sabah, Bahagian Sokongan Keluarga, *e-Nafkah*

Pendahuluan

Isu pelaksanaan nafkah kekal sebagai antara pertikaian paling ketara dalam prosiding keluarga Islam di Mahkamah Syariah Malaysia, termasuk di Sabah. Banyak kes melibatkan dakwaan isteri bahawa nafkah tidak diberikan secara mencukupi atau konsisten, sedangkan suami mendakwa telah menunaikan kewajipan tersebut namun gagal mengemukakan bukti munasabah atau rekod kewangan yang tersusun (Muhammad Nawawi et al., 2022; Nur Zulfah, 2019). Hal ini menimbulkan jurang keadilan terutama bagi wanita dan anak yang bergantung kepada nafkah sebagai keperluan asas kehidupan. Kewajipan nafkah adalah perintah syarak yang tidak bersifat pilihan. Allah SWT berfirman yang maksudnya:

Terjemahan: Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya. Allah tidak memberati seseorang melainkan sekadar kemampuan yang diberikan Allah kepadanya. Allah akan memberikan kesenangan sesudah kesusahan.

(Surah al-Talaq, 7)

Ayat ini menegaskan kewajipan suami memberi nafkah mengikut kemampuan dan menolak sebarang bentuk kezaliman domestik berdasarkan keadaan ekonomi masing-masing. Para ulama menetapkan bahawa nafkah keluarga bersifat wajib, merangkumi perbelanjaan tempat tinggal, keperluan asas, dan kebajikan anak (Al-Zuhaili, 2001; Ibn Qudamah, 1997). Prinsip ini selari dengan objektif syariah dalam memelihara institusi keluarga dan memastikan kebajikan kanak-kanak terjamin (Auda, 2022). Tanggungjawab nafkah juga ditegaskan oleh Rasulullah SAW melalui hadis bermaksud:

Terjemahan: Memadai seseorang itu berdosa apabila dia mensia-siakan orang yang berada di bawah tanggungannya.

(Riwayat Abu Dawud)

Nas-nas ini menegaskan bahawa nafkah merupakan kewajipan agama dan moral yang mesti dipenuhi mengikut kemampuan, selaras dengan penegasan ulama bahawa pemeliharaan keluarga adalah salah satu objektif syariah (Al-Ghazali, 1983; Ibn Qudamah, 1997; Auda, 2022). Dalam konteks perundangan, peruntukan nafkah diperincikan melalui Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Sabah) 2004, yang memberikan bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk memerintah dan menguatkuasakan pembayaran nafkah. Asas pembuktian pula dirangka melalui Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004, termasuk penggunaan sumpah kehakiman bagi menangani situasi apabila bukti lain tidak mencukupi. Namun begitu, sumpah penafian oleh suami dalam kes nafkah hanya boleh digunakan selepas mahkamah menilai bahawa dokumen dan keterangan lain tidak mencukupi.

Prinsip asas pembuktian menetapkan bahawa pihak yang mendakwa hendaklah mengemukakan bukti terlebih dahulu, manakala sumpah hanya hadir sebagai jalan terakhir apabila dokumen atau keterangan lain tidak dapat dibuktikan (Al-Nawawi, 1991; Hasan & Wan Ismail, 2007).

Sejajar dengan kemajuan sistem digital seperti *e-Nafkah* dan peranan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), rekod pembayaran kini lebih mudah diakses dan diaudit (JKSM, 2022; Mahmud et al., 2024). Oleh itu, penggunaan sumpah dalam kes nafkah perlu selari dengan realiti pembuktian semasa, di mana rekod digital wajar diteliti sebelum sumpah dibenarkan. Namun, terdapat keadaan di mana sumpah dicadangkan pada peringkat awal tanpa pemeriksaan bukti dokumentar yang mencukupi, sekali gus meningkatkan risiko ketidakadilan dan penyalahgunaan mekanisme sumpah (Muhammad Nawawi et al., 2022). Prinsip kehakiman dalam Islam menuntut pengesahan kebenaran dan ketelitian sebelum sumpah dipertimbangkan (Al-Ghazali, 1983; Mahmasani, 1961). Pendekatan ini turut diiktiraf dalam kes *Azizah Ibrahim v. Mat Rahim* (2012), yang menegaskan bahawa sumpah hanya digunakan apabila bukti lain telah diteliti dan didapati tidak memadai. Kajian ini bertujuan menilai semula amalan penggunaan sumpah penafian dalam kes nafkah di Mahkamah Syariah Sabah agar ia selari dengan disiplin pembuktian, tujuan syariah, dan keperluan melindungi hak wanita dan kanak-kanak daripada kemungkinan kezaliman atau pengabaian nafkah.

Sorotan Literatur

Prinsip Fiqh dan Undang-undang Mengenai Pemakaian Sumpah

Pembuktian merupakan elemen yang amat signifikan dalam sesuatu prosiding perbicaraan kerana ia menjadi asas kepada penentuan kebenaran dan keadilan oleh mahkamah. Pembuktian yang dikemukakan dalam sesuatu perbicaraan perlu dilakukan secara teratur dan menurut tatacara yang ditetapkan oleh undang-undang agar dapat diterima oleh mahkamah sebagai bukti yang sah (Suhaizad, Ruzian & Mohd. Munzil, 2019). Sekiranya sesuatu pembuktian tidak dikemukakan mengikut kaedah atau saluran yang diperuntukkan, ia boleh dianggap tidak sah dan seterusnya ditolak oleh mahkamah. Ini kerana kaedah pembuktian merujuk kepada mekanisme atau instrumen yang digunakan untuk membuktikan kesalahan atau tuntutan dalam sesuatu kes. Undang-undang keterangan Islam di Malaysia dibentuk melalui proses perundangan yang unik, menggabungkan prinsip *fiqh al-ithbat* (pembuktian Islam) dengan struktur perundangan moden seperti Akta Keterangan 1950. Pendekatan ini memastikan keharmonian antara prinsip tradisional Islam dan keperluan kontemporari, dengan objektif utama memastikan keterangan yang dikemukakan adalah sah, berautoriti, dan adil (Suhaizad, Mohd Zamre, Fatimah Yusro, Pg Ismail Pg Musa & Abdul Jamil, 2025). Menurut hukum syarak, sumpah (*al-yamin*) dikaitkan dengan prinsip amanah dan tanggungjawab moral di hadapan Allah SWT. Firman Allah SWT yang maksudnya:

“Allah tidak menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan, tetapi Dia menghukum kamu disebabkan sumpah yang kamu ucapkan dengan niat yang bersungguh-sungguh”.

(Surah al-Ma'idah: 89)

Oleh itu, literatur *fiqh* menempatkan sumpah sebagai salah satu alat pembuktian yang mempunyai kedudukan khusus dalam disiplin kehakiman Islam. Pandangan klasik dalam mazhab Syafii, yang menjadi asas Mahkamah Syariah Malaysia, menetapkan bahawa sumpah adalah bayyinah pelengkap yang hanya digunakan apabila bukti utama seperti dokumen dan saksi tidak mencukupi (al-Nawawi, 1991). Ibn Qudamah (1997) menjelaskan bahawa sumpah tidak selari dengan keperluan untuk membuktikan sesuatu fakta jika wujud bukti dokumentar yang boleh diperiksa. Ibn Abidin (2003) turut menguatkan kedudukan ini dengan menegaskan bahawa sumpah seharusnya tidak menjadi pengganti kepada bayyinah dokumentar. Pendekatan ini disokong ulama kontemporari seperti Mahmasani (1961) yang menekankan bahawa sumpah tidak boleh digunakan untuk mengatasi bukti teknikal yang tersedia, memandangkan tujuan syariah adalah menegakkan kebenaran melalui mekanisme paling diyakini.

Dalam konteks pentadbiran kehakiman Syariah, sumpah hanya wajar digunakan selepas semakan teknikal terhadap dokumen dan rekod pembayaran dilakukan (Hasan & Wan Ismail, 2007). Prinsip ini selari dengan prinsip pentadbiran kehakiman Islam yang meletakkan beban pembuktian kepada pihak yang mendakwa, serta mengelakkan penyalahgunaan sumpah bagi menafikan hak nafkah secara teknikal. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004 melalui Seksyen 88 (1) memperuntukkan bahawa sumpah hanya boleh diarahkan apabila keterangan lain tidak memadai, manakala Seksyen 3 (1) mentakrifkan “dokumen” sebagai termasuk maklumat yang dijana komputer (Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Sabah, 2004). Peruntukan ini menuntut hakim menilai rekod *e-Nafkah*, penyata bank, slip gaji, data sistem BSK dan SPKMS sebelum mempertimbangkan sumpah. Ini menepati prinsip tahkik kebenaran dan memastikan sumpah tidak menggantikan proses probatif yang lebih objektif.

Literatur pentadbiran kehakiman Malaysia menunjukkan peralihan ketara daripada amalan lisan kepada pembuktian berasaskan data institusi dan rekod audit digital (JKSM, 2022). Perkembangan literatur pentadbiran kehakiman menunjukkan peralihan daripada amalan lisan kepada pembuktian berasaskan rekod digital (JKSM, 2022). Mahmud et al. (2024) menekankan bahawa sistem *e-Nafkah* membolehkan proses pengesahan nafkah dilakukan melalui data institusi yang sah dan boleh diaudit. Creswell (2018) menambah bahawa penggunaan data sedemikian menyokong metodologi kualitatif yang menekankan kebolehesahan dan ketelusan bukti. Morgan (2018) pula menegaskan bahawa dokumen rasmi berfungsi sebagai sumber utama dalam analisis kualitatif undang-undang. Kajian Nur Zulfah Md Abdul Salam et al. (2020) menunjukkan bahawa Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) memainkan peranan penting dalam pelaksanaan perintah nafkah melalui pengurusan tunggakan, potongan gaji, dan bantuan guaman Syariah. Peranan BSK ini memperkukuh asas bahawa sumpah tidak lagi menjadi alat pembuktian pertama, tetapi mekanisme moral terakhir selepas semua bukti teknikal disemak.

Pandangan kontemporari menegaskan bahawa penggunaan sumpah dalam kes nafkah perlu bersandarkan prinsip bahawa ia hanya mempunyai nilai probatif apabila bukti teknikal tidak mencukupi (Auda, 2022). Mahmasani (1961) menjelaskan bahawa prinsip ini menepati maqasid syariah yang menuntut keadilan berdasarkan fakta yang nyata. Akses kepada sistem *e-Nafkah* membolehkan hakim menilai sejarah pembayaran dengan lebih telus dan objektif, menjadikan data tersebut hampir kepada bukti pasti yang boleh diuji. Dalam konteks ini, sumpah berfungsi sebagai pengesahan moral tambahan, bukan alat utama dalam menentukan tanggungan nafkah. Amalan di negeri lain seperti Selangor dan Terengganu turut menunjukkan keutamaan terhadap bukti digital sebelum sumpah diperintahkan (JKSM, 2022). Sabah kini mengikuti arah reformasi yang sama dengan peluasan capaian sistem *e-Nafkah* serta pelaksanaan BSK di bawah pentadbiran kehakiman negeri (Mahmud et al., 2024). Kes-kes seperti *Siti Zainab v. Mohamed Ishak* (1982) dan *Azizah Ibrahim v. Sufian Che Mud* (2012) memperkukuh amalan bahawa sumpah hanya dipertimbangkan selepas mahkamah menilai bukti dokumentar yang ada. Ini menegaskan bahawa sumpah kekal sebagai bayyinah pelengkap, selaras dengan prinsip keadilan fiqh dan kehakiman digital semasa.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang berasaskan analisis dokumen untuk menilai kedudukan serta aplikasi *Yamin al-Nafi* dalam tuntutan nafkah di Mahkamah Syariah Sabah. Reka bentuk ini dipilih kerana sesuai dengan sifat kajian hukum Islam dan undang-undang yang lebih menumpukan kepada analisis teks, peruntukan statut, serta rekod institusi berbanding pemerhatian empirikal kuantitatif (Creswell, 2018). Dari segi kaedah pengumpulan data, kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan yang melibatkan analisis terhadap sumber-sumber utama dan sekunder. Sumber utama merangkumi teks *fiqh* muktabar seperti karya al-Ghazali, Ibn Qudamah dan al-Zuhayli bagi memahami prinsip *turath* berkaitan sumpah sebagai *bayyinah* pelengkap apabila bukti lain tidak mencukupi (Al-Zuhayli, 2001) di samping kes-kes yang diputuskan di mahkamah. Sumber sekunder pula meliputi peruntukan undang-undang tempatan seperti Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Sabah) 2004, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004, serta Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia yang berkaitan dengan sumpah dan pembuktian. Kajian turut meneliti dokumen seperti *Manual Prosedur Nafkah* dan garis panduan Biro Sokongan Keluarga (BSK) bagi

mengenal pasti perkembangan digitalisasi sistem *e-Nafkah* dan implikasinya terhadap proses pembuktian nafkah (Bowen, 2009). Bagi kaedah analisis data, kajian ini menggunakan analisis kandungan. Pendekatan ini membolehkan penyelidik mengenal pasti tema, prinsip dan pola kehakiman yang konsisten dalam penilaian bukti dokumentar dan pelaksanaan *Yamin al-Nafi* bagi kes nafkah di Mahkamah Syariah.

Dapatan dan Analisis

Digitalisasi Pembuktian Nafkah

Pelaksanaan sistem digital seperti *e-Nafkah*, Sistem Pengurusan Kes Mahkamah Syariah (SPKMS) dan pemantauan berterusan oleh Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) telah mewujudkan anjakan ketara dalam proses pembuktian nafkah di Mahkamah Syariah Sabah. Rekod digital kini menjadi rujukan utama bagi menentukan kewujudan tunggakan nafkah dan corak pembayaran sebenar oleh pihak suami (JKSM, 2022). Di bawah Seksyen 3(1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004, maklumat yang direkod atau dijana melalui komputer diklasifikasikan sebagai dokumen yang boleh diterima. Ini menjadikan penyata bank elektronik, rekod *e-Nafkah* dan log transaksi SPKMS sebagai keterangan dokumentar yang sah dan boleh diaudit oleh mahkamah, seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada keterangan lisan semata-mata.

Perkembangan ini selari dengan agenda pendigitalan kehakiman yang dibangunkan melalui inisiatif e-Syariah dan i-Syariah yang bertujuan meningkatkan ketelusan serta keberkesanan penyampaian keadilan (Mahmod et al., 2024). Manual dan risalah rasmi JKSM turut menegaskan peranan BSK sebagai pemantau sistematik terhadap pelaksanaan perintah nafkah melalui rekod dan pelaporan berjadual (JKSM, 2019; JKSM, 2022; JKSM, 2023). Kajian mengenai peranan BSK juga mendapati rekod institusi membantu mempercepat penyelesaian tunggakan nafkah serta mengurangkan risiko manipulasi fakta pembayaran oleh suami (Nur Zulfah, 2019; Muhammad Nawawi et al., 2022; Muhammad et al., 2024; Ruzmi et al., 2025). Selain itu, inovasi seperti sistem pengiraan nafkah automatik yang diperkenalkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) memantapkan pendekatan berasaskan data dalam menentukan kadar nafkah dan mengurangkan ketidakpastian dalam pengiraan (JAKESS, 2023). Perubahan ini menunjukkan trend nasional ke arah pengesahan fakta melalui bukti digital yang boleh disemak semula bagi memastikan perlindungan keadilan bagi isteri dan anak-anak.

Kedudukan dan Aplikasi Yamin al-Nafi (Sumpah Penafian) dalam Kes Nafkah di Sabah

Dalam fiqh klasik, *Yamin al-Nafi* (sumpah penafian) dikategorikan sebagai bayyinah pelengkap yang hanya diaktifkan apabila bukti dokumentar dan keterangan lain tidak memadai untuk mencapai keyakinan kehakiman. Kaedah ini digariskan oleh autoriti *fiqh* seperti Ibn Qudamah dan al-Nawawi yang menegaskan keutamaan dokumen serta keterangan teknikal sebelum sumpah dipertimbangkan (Ibn Qudamah, 1997; Al-Nawawi dalam Al-Mahalli, 2013). Pendekatan ini menepati prinsip fiqh *al-bayyinah ala al-mudda'i wa al-yamin ala man ankar*, di mana sumpah oleh suami (defendan) hanya dipertimbangkan setelah ruang pembuktian dokumentar dan qarinah kewangan dinilai terlebih dahulu. Prinsip tersebut konsisten dengan Seksyen 3(1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Sabah 2004 yang mengiktiraf rekod elektronik sebagai dokumen boleh terima dan dengan praktik semasa yang meletakkan rekod *e-Nafkah* serta data pemantauan sebagai asas verifikasi terdahulu sebelum menimbang sumpah pihak yang menafikan liabiliti nafkah (Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Sabah, 2004; JKSM, 2022).

Keputusan mahkamah memperlihatkan corak yang konsisten. Dalam *Rogayah Ismail lwn Abd Razak Sulong* (2005), mahkamah menekankan bahawa suami tidak boleh sekadar menafikan bayaran nafkah tanpa bukti pembayaran yang munasabah, sekali gus mengukuhkan tanggungjawab dokumentasi nafkah. Pendekatan ini diperkukuh dalam *Jaiton Bee @ Zaitun Bee Mohd Yaacob lwn Mohd Taha Wan Ahmad* (2014), apabila mahkamah memberi keutamaan kepada transaksi bank sebagai asas penilaian pembayaran nafkah berbanding lafaz sumpah. Dalam *Hamiah Yaacob lwn Baitul Mal Perak* (2010), walaupun isunya melibatkan pemulangan wang, mahkamah mengiktiraf keutamaan rekod rasmi mengatasi sumpah, menegaskan nilai dokumen dalam kes kewangan. Prinsip ini turut diperkukuh dalam

KZAG lwn MAKAK (2019), apabila mahkamah menegaskan keperluan asas bukti material dalam menilai dakwaan nafkah. Amalan lebih terkini memperlihatkan penekanan ke atas rekod digital sebagai asas utama penentuan nafkah. Dalam *Suraida Khalid lwn Md Hairuzzaman Sueb* (2023), mahkamah menilai rekod pembayaran terlebih dahulu sebelum mempertimbangkan sumpah pihak defendan, menjadikan sumpah sebagai mekanisme pengesahan moral selepas dokumen diperiksa. Dalam *Norfarhana Nadiyah Abdul Rahman lwn Nik Mohd Adzrul Ariff Raja Azlan* (2024), semakan transaksi dan dokumen kewangan menjadi rujukan sebelum keterangan lisan diambil kira, konsisten dengan arah tuju ketelusan data kehakiman. Walau bagaimanapun, ruang untuk *Yamin al-Nafi* masih wujud apabila rekod digital belum lengkap atau belum disahkan. Dalam keadaan ini, sumpah boleh diberikan bagi memastikan hak nafkah isteri (plaintif) dan anak tidak ditolak hanya kerana masalah teknikal atau kelewatan verifikasi data, selaras dengan kaedah *al-haqq la yusqat bi al-jahl* yang menegaskan bahawa hak tidak boleh gugur akibat kelemahan bukti sementara (Kaabi et al., 2024). Pendekatan ini sejajar dengan prinsip yang diperlihatkan dalam *Sosilawati Lawiya v. Jamaludin Elias* (2008), di mana sumpah dibenarkan kerana dokumen belum mencukupi pada peringkat awal prosiding.

Dalam konteks Sabah, laporan Bahagian Sokongan Keluarga kini berfungsi sebagai bukti awal mengesahkan tunggakan nafkah. Mahkamah menunjukkan kecenderungan untuk menolak permohonan *Yamin al-Nafi* (sumpah penafian) oleh pihak suami (defendan) apabila rekod digital sudah membuktikan dengan jelas bahawa bayaran nafkah belum dilunaskan. Pendekatan ini menegaskan bahawa kerana sumpah tidak boleh mengatasi bukti elektronik yang sah, lengkap, dan boleh diaudit oleh institusi rasmi seperti BSK dan sistem e-Nafkah. Pendekatan ini menandakan peralihan yang jelas daripada penekanan ritual sumpah kepada penilaian berasaskan bukti digital yang disahkan secara institusi, selaras dengan prinsip ketelusan dan akauntabiliti dalam prosiding nafkah bagi melindungi hak isteri (plaintif) dan anak (Mahmod et al., 2024). Dalam fiqh turath, sumpah berada pada tahap *bayyinah al-mukammilah*, iaitu bukti pelengkap yang hanya digunakan apabila dokumen, saksi atau rekod rasmi tidak mencukupi untuk mencapai keyakinan kehakiman (Ibn Abidin, 2003; Al-Nawawi, 1996). Pendekatan ini sejajar dengan prinsip *al-bayyinah ala al-mudda'i wa al-yamin ala man ankar*, yang menempatkan sumpah sebagai alat terakhir bagi pihak suami (defendan) apabila keterangan teknikal tidak dapat mengesahkan dakwaan plaintif (isteri).

Dalam amalan kehakiman Sabah masa kini, rekod digital seperti log pembayaran e-Nafkah dan laporan BSK berfungsi sebagai bayyinah utama yang boleh diaudit oleh mahkamah sebelum *Yamin al-Nafi* dipertimbangkan (JKSM, 2022). Hal ini diperlihatkan dalam kes *MFI lwn NNR* (2020) apabila mahkamah menolak permohonan sumpah oleh suami kerana rekod e-Nafkah dan laporan BSK menunjukkan tunggakan pembayaran secara jelas. Hakim menegaskan bahawa sumpah tidak boleh mengatasi rekod digital yang telah disahkan melalui sistem rasmi, sejajar dengan keutamaan dokumen berbanding sumpah sebagaimana dihuraikan oleh ulama klasik (Al-Nawawi, 1996; Mahmasani, 1961). Pendekatan ini memperlihatkan peralihan daripada amalan ritual sumpah kepada penilaian bukti berdasarkan integriti data dan rekod institusi, sejajar dengan panduan maqasid yang menekankan keadilan berasaskan bukti yang boleh diverifikasi (Auda, 2022).

Peranan Yamin al-Nafi Dalam Keadaan Rekod Tidak Lengkap

Dalam prosiding nafkah di Mahkamah Syariah Sabah, *Yamin al-Nafi* masih mempunyai peranan apabila bukti digital belum lengkap atau belum disahkan sepenuhnya. Dalam keadaan sedemikian, mahkamah boleh membenarkan sumpah oleh suami (defendan) sebagai langkah sementara supaya tuntutan nafkah isteri dan anak tidak terjejas, selaras dengan prinsip fiqh bahawa hak tidak boleh gugur hanya kerana kekangan bukti sementara, berdasarkan kaedah fiqh *al-haqq la yusqat bi al-jahl* yang menegaskan hak tidak boleh dinafikan akibat kelemahan maklumat (Kaabi et al., 2024). Pendekatan ini juga seiring dengan Seksyen 88 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004 yang membenarkan sumpah apabila keterangan lain belum memadai.

Namun apabila rekod digital sudah lengkap dan konsisten menunjukkan tunggakan nafkah, *Yamin al-Nafi* tidak diterima sebagai asas penafian awal. Dalam keadaan ini, percubaan untuk menafikan bukti dokumentar melalui sumpah boleh menghampiri kategori yamin ghamus, iaitu sumpah dusta yang boleh membawa implikasi ta'zir (Al-Zuhayli, 2001; Al-Zuhaili, 2011). Pendekatan ini selari dengan prinsip

sadd al-zari'ah, iaitu menutup pintu kepada penyalahgunaan sumpah sebagai helah untuk melambatkan kewajipan nafkah isteri dan anak (Auda, 2022; Wan Abdul Fattah et al., 2024).

Oleh itu, kedudukan sumpah dalam kes nafkah di Sabah kini lebih tersusun dan bersifat residual. Ia hanya dipertimbangkan apabila dokumen dan rekod e-Nafkah, laporan Bahagian Sokongan Keluarga serta penyata bank belum mencukupi, dan bukan sebagai alat untuk mengatasi bukti digital yang sah dan boleh diaudit (JKSM, 2022; Alias et al., 2021). Pendekatan ini memastikan keselarasan antara disiplin fiqh yang meletakkan sumpah sebagai bayyinah pelengkap (Ibn Qudamah, 1997; Al-Nawawi dalam Al-Mahalli, 2013) dengan realiti pembuktian digital dalam pentadbiran kehakiman Syariah moden (Mahmod et al., 2024; Zulkifli Hasan, 2020).

Cadangan Penambahbaikan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa *Yamin al-Nafi* masih mempunyai tempat yang sah dalam prosiding nafkah, namun penggunaannya perlu disusun semula bagi memastikan ia tidak mengatasi rekod digital dan bukti dokumentar yang kini menjadi asas utama pembuktian kewajipan nafkah terhadap isteri dan anak-anak (JKSM, 2022). Perubahan ini selari dengan kedudukan sumpah sebagai bayyinah pelengkap dalam fiqh turath serta keperluan pembuktian yang lebih objektif dalam sistem kehakiman moden (Ibn Abidin, 2003; Al-Zuhayli, 2001; Alias et al., 2021).

Pada peringkat prosiding, mahkamah wajar mewujudkan garis panduan dalaman bahawa rekod e-Nafkah, penyata bank, laporan Bahagian Sokongan Keluarga dan log Sistem Pengurusan Kes Mahkamah Syariah hendaklah disemak terlebih dahulu sebelum mempertimbangkan *Yamin al-Nafi* (JKSM, 2022; Sarawak Information Systems, 2022). Prinsip ini tertakluk kepada ruang budi bicara Seksyen 88 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004 yang memperuntukkan sumpah hanya apabila keterangan lain tidak mencukupi, seiring dengan prinsip *al-bayyinah ala al-mudda'i wa al-yamin ala man ankar* dalam fiqh Syafie (Ibn Qudamah, 1997; Al-Nawawi dalam Al-Mahalli, 2013). Pelaksanaan melalui Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Sabah boleh menjadikannya standard prosidur kehakiman sebagaimana digalakkan dalam literatur metodologi undang-undang Islam (Razali et al., 2023). Seiring itu, Mahkamah Syariah Sabah wajar memperkenalkan amaran pra-sumpah, iaitu penjelasan kepada suami sebagai defendan bahawa sumpah yang kemudian terbukti bercanggah dengan rekod digital boleh menghampiri kategori *yamin al-ghamus* yang membawa implikasi takzir berdasarkan pandangan ulama kontemporari (Al-Zuhayli, 2001; Wan Abdul Fattah Wan Ismail et al., 2024). Langkah ini menegaskan integriti sumpah dan mengelakkan penyalahgunaan sumpah sebagai strategi penangguhan yang boleh menjejaskan hak nafkah isteri dan anak (Auda, 2022).

Dari sudut pentadbiran, capaian langsung hakim kepada rekod e-Nafkah dan log transaksi digital perlu dipertingkatkan bagi memungkinkan pengesahan serta audit segera di hadapan pihak-pihak (Mahmod et al., 2024). Pendekatan ini menepati amalan probatif digital yang sah dan proses verifikasi yang telus dalam ekosistem e-Syariah serta i-Syariah (Zulkifli Hasan, 2020; Alias et al., 2025). Latihan berkala yang khusus kepada hakim dan pegawai Bahagian Sokongan Keluarga mengenai audit rekod digital dan pembuktian elektronik wajar dipertingkatkan untuk menjamin keseragaman dan ketelitian (JKSM, 2023; Razali et al., 2023). Peranan Bahagian Sokongan Keluarga juga perlu diperkasa sebagai entiti audit nafkah melalui laporan berkala kepada mahkamah serta pemantauan sistematik terhadap pembayaran oleh suami, selari dengan dapatan empirikal mengenai keberkesanan model BSK di negeri-negeri lain (Nur Zulfah, 2019; Muhammad Nawawi et al., 2022; Muhammad et al., 2024; Ruzmi et al., 2025; JAKESS, 2025). Langkah ini memastikan proses semakan bukti digital menjadi standard operasi yang kukuh dan mengurangkan pergantungan kepada sumpah kecuali dalam keadaan bukti benar-benar tidak memadai.

Pindaan kepada Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) boleh dipertimbangkan untuk memperincikan kedudukan rekod digital sebagai bayyinah utama dalam tuntutan nafkah, agar tidak lagi bergantung semata-mata pada tafsiran kehakiman tetapi disokong oleh asas normatif yang jelas (Alias et al., 2021; Mahmod et al., 2024). Dokumen garis panduan rasmi seperti Protokol Pembuktian Nafkah Digital boleh diwujudkan bagi menyeragamkan proses semakan bukti digital, kedudukan sumpah dan tanggungjawab dokumentasi pihak suami, melengkapi manual nafkah dan polisi JKSM sedia ada (JKSM, 2022). Kesimpulannya, cadangan ini tidak menolak sumpah dalam sistem Syariah. Sebaliknya,

ia mengembalikan *Yamin al-Nafi* kepada fungsi asalnya sebagai pengesahan moral terakhir apabila bukti dokumentar tidak mencukupi, selaras dengan maqasid syariah untuk menegakkan keadilan dan melindungi hak isteri dan anak melalui pembuktian yang berintegriti serta boleh diaudit (Auda, 2022; Al-Zuhayli, 2011; Mahmasani, 1961).

Kesimpulan

Kajian ini menyimpulkan bahawa pendekatan Mahkamah Syariah di Sabah dalam kes nafkah kini semakin berasaskan bukti digital, sejajar dengan transformasi kehakiman nasional melalui sistem e-Syariah dan e-Nafkah yang dilaksanakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM, 2022, 2023). Rekod digital seperti penyata bank, log transaksi SPKMS dan laporan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) telah menjadi asas utama dalam menentukan kewujudan tunggakan nafkah dan tahap pematuhan suami terhadap perintah mahkamah, manakala *Yamin al-Nafi* (sumpah penafian) hanya berfungsi sebagai pelengkap apabila bukti dokumentar tidak mencukupi, selaras dengan pandangan fiqh klasik yang dikemukakan oleh Ibn Qudamah (1997) dan Al-Nawawi (Al-Mahalli, 2013). Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh prinsip tahqiq al-haqq dan hifz al-mal dalam maqasid al-shariah (Auda, 2022), tetapi turut memastikan hak isteri dan anak-anak lebih terlindung melalui bukti yang boleh diaudit secara institusi. Kes-kes seperti *Azizah Ibrahim v. Mat Rahim* (2012), *Suraida Khalid v. Md Hairuzzaman Sueb* (2023) dan *Norfarhana binti Ahmad v. Mohd Zulhairi bin Zakaria* (2024) menunjukkan bahawa mahkamah memberi keutamaan kepada dokumen dan rekod rasmi sebelum menerima sumpah sebagai alat pengesahan moral. Oleh itu, keseimbangan antara integriti moral sumpah dan integriti teknikal bukti digital perlu terus diperkukuh melalui latihan kehakiman, semakan rekod pra-sumpah serta arahan amalan yang lebih jelas agar pentadbiran keadilan nafkah di Sabah kekal konsisten dengan prinsip fiqh, kehendak undang-undang tempatan dan tuntutan pendigitalan kehakiman masa kini.

Rujukan

- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) (Malaysia).
- Alias, M. A. A., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Hashim, H., & Tuan Ibrahim, T. M. F. H. (2025). Digital forensics and the admissibility of electronic evidence in Malaysian Syariah courts: Towards a standardised legal framework. *LexForensica: Forensic Justice and Socio-Legal Research Journal*, 2(1), 84–91. <https://doi.org/10.33102/6grx4619>
- Alias, M. A. A., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., & Abdul Mutalib, L. (2021). Legal analysis of Syariah Court Evidence Law on digital document as evidence and its admissibility in court proceedings. *Journal of Management & Muamalah*, 11(2), 54–64. <https://kuis.edu.my/journal/jomm>
- Al-Ghazali, A. H. (1983). *Ihya' 'ulum al-din*. Dar al-Ma'arif.
- Al-Mahalli, J. M. b. A. b. M. (2013). *Kanz al-rāghibīn sharḥ minhāj al-ṭālibīn* (Vol. 4, pp. 422–427). Dar al-Minhaj.
- Al-Quran al-Karim. (n.d.).
- Al-Qurtubi, M. b. A. al-A. (1964). *Al-jāmi' li aḥkām al-Qur'ān* (Vol. 5, p. 169). Dar al-Kutub al-Miṣriyyah.
- Al-Shirazi, I. b. 'A. b. Y. (n.d.). *Al-muhazzab fī fiqh al-Imām al-Syāfi'ī* (Vol. 3, p. 155). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zuhaili, M. (2011). *Al-mu'tamad fī al-fiqh al-Syāfi'ī* (Vol. 4, pp. 276–283). Dar al-Qalam.
- Al-Zuhayli, W. (2001). *Fiqh al-islāmī wa adillatuhu* (Vols. 6–7). Dar al-Fikr.
- Auda, J. (2008). *Maqasid al-Shariah as philosophy of Islamic law: A systems approach*. The International Institute of Islamic Thought.
- Auda, J. (2022). *Maqasid al-Shariah as a philosophy of Islamic law*. IIIT.
- Azizah Ibrahim v. Mat Rahim* [2012] SLRHU 17 (Malaysia).
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40.
- Creswell, J. W. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approach* (5th ed.). Sage.
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004 (Sabah).

- Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Sabah) 2004 (Sabah).
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Sabah) 2004 (Sabah).
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 (Terengganu).
- Hamiah Yaacob v. Mohd Rashid [2010] SLRHU 1 (Malaysia).
- Ibn Abidin. (2003). *Radd al-muhtar 'ala al-durr al-muhtar*. Dar al-Fikr.
- Ibn Kathir, I. U. (1998). *Tafsir al-Qur'an al-'azim*. Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Qudamah. (1997). *Al-mughni*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). (2012). *Salah faham amalan sumpah di Mahkamah Syariah*.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). (2019). *Strengthening the Family Support Division (BSK) on access to justice for single mothers*.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). (2022). *Manual prosedur e-Nafkah dan BSK*. JKSM.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). (2022). *Risalah BSK*. JKSM.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). (2022). *Risalah nafkah*. JKSM.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). (2023). *Pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah nafkah melalui Biro Sokongan Keluarga (BSK)*. JKSM.
- Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS). (2023, March 10). *Melancarkan satu produk inovasi bagi sistem pengiraan nafkah anak yang dikenali sebagai e-Naf*. <https://www.jakess.gov.my/media/berita-terkini/melancarkan-satu-produk-inovasi-bagi-sistem-pengiraan-nafkah-anak-yang-dikenali-sebagai-e-naf>
- Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS). (2025, October 16). *Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga*. <https://www.jakess.gov.my/jabatan/bahagian/pejabat-ketua-pendaftar/seksyen-bahagian-sokongan-keluarga>
- Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS). (2025, October 16). *Fungsi Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga*. <https://www.jakess.gov.my/jabatan/bahagian/pejabat-ketua-pendaftar/seksyen-bahagian-sokongan-keluarga>
- Jaiton Bee binti Abdullah v. Abdul Rahim bin Said [2014] SLRHU 6 (Malaysia).
- JKSM. (2022). *e-Nafkah final report (08092022)*. JKSM.
- KZAG v. MZN [2019] SLRHU 7 (Malaysia).
- Mahmasani, S. (1961). *Nazariyyat al-iltizam fi al-fiqh al-islami*. Dar al-'Ilm.
- Mahmod, Z., Buang, A. H., Rani, M. S. M., & Hussin, M. N. M. (2024). Legal framework for e-Syariah and i-Syariah in judicial service delivery in Malaysia: Its development and challenges. *UUM Journal of Legal Studies*, 15(2), 559–584. <https://doi.org/10.32890/uumjls2024.15.2.7>
- Muhammad Nawawi, et al. (2022). *Pemeriksaan Biro Sokongan Keluarga dalam pelaksanaan perintah nafkah melalui sistem e-Nafkah*. *Jurnal Pentadbiran Syariah*. JKSM.
- Muhammud, F. S., Mohd Zawawi, N. A. N., Saedon, R., & Ghazi Ahmad, N. F. (2024). Strengthening the Family Support Division (BSK) on alimony for Muslim women. *Global Journal Al-Thaqafah (GJAT)*, Special Issue (July), 99–113. <http://jurnal.usas.edu.my/gjat/index.php/journal>
- MYAM v. NSNH [2019] SLRHU 10 (Malaysia).
- Norfarhana binti Ahmad v. Mohd Zulhairi bin Zakaria [2024] SLRHU 1 (Malaysia).
- Nur Zulfah. (2019). Isu tunggakan nafkah anak dan peranan BSK. *Jurnal Pembangunan Keluarga Islam*, 19(3), 35–52.
- Nur Zulfah Md Abdul Salam, Abdul Salam, & Nur Syazwani. (2020). Isu tunggakan nafkah: Keperluan penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK). *Undang-Undang Keluarga Islam Journal*, 38(1), 1–15.
- Razali, N., et al. (2023). The methodological structure for legal research: A guide for Islamic law students. *UUM Journal of Legal Studies*, 14(1), 333–363.
- Rogayah binti Ahmad v. Abdullah bin Omar [2005] SLRAU 6 (Malaysia).
- Ruzmi, S. M., Ab Halim, A. H., & Hashim, F. Y. (2025). Empowerment of the Family Support Division of the Selangor State Syariah Judiciary Department under Syariah Law in Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 13(2), 428–444. <https://doi.org/10.33102/mjsl.vol13no2.724>
- Saifuddin, S., Mohd Zahir, M. Z., Hashim, F. Y, Pg Musa, P. I., & Jamil, A. (2025). Challenges in the Enforcement of Syariah Criminal Law on Social Media in Malaysia: A Review from the Perspective of Syariah Evidence Law. *Journal of Advanced Research Design*, 145(1), 42–54.

- Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. (2022). *E-Nafkah training manual version 1.0*. Government of Sarawak.
- Sosilawati Lawiya v. Jamaludin Elias [2008] 1 MSLR 247 (Malaysia).
- Suhaizad Saifuddin, Ruzian Markom and Mohd. Munzil Muhamad. (2019). Kaedah pembuktian dalam undang-undang keterangan mahkamah syariah dan mahkamah sivil di Malaysia: Suatu kajian perbandingan. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 31(1), 1 – 34.
- Suraida Khalid v. Md Hairuzzaman Sueb [2023] SLRHU 7 (Malaysia).
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Hasnizam Hashim, Zulfaqar Mamat, & Ahmad Syukran Baharuddin. (2024, November). Salah faham amalan sumpah: Persamaan dan perbezaan sumpah di dalam mahkamah dan luar mahkamah Malaysia. *CFORSJ Procedia*, 2(1), 102–111.
- Zulkifli Hasan. (2020). Legal framework for e-Syariah and e-Nafkah in Malaysia. *IIUM Law Journal*.
- Zulkifli Hasan, & Wan Abdul Fatah Wan Ismail. (2007). *Konsep al-yamīn (sumpah) dan perlaksanaannya di Mahkamah Syariah*. Universiti Sains Islam Malaysia, Fakulti Syariah dan Undang-Undang.